

Cikgu Dahlia memandu kereta Volkswagon Golf berwarna ungu muda masuk kedalam perkarangan sekolah. Penjaga pintu masuk sekolah Madame Selvi melambaikan tangannya tanda maju. Itulah yang berlaku tiap tiap pagi kecuali jika Madame Selvi bercuti. Dan hanya dua perkara sahaja yang pasti membuat Madame Selvi mengambil cuti- kematian keluarga atau mengikuti upacara dihari Thaipusam.

Thamesville Primary School- sekolah dinamakan sempena nama sungai yang mengalir dari hujung tengah England dan berakhir dikota London.

Sejak kebelakangan ini entah mengapa sekolah sekolah diberi nama nama sebegitu oleh kementerian pelajaran. Mungkin kerana Thames akan mengingatkan para pelajarnya tentang universiti universiti unggul diUnited Kingdom.

Speaker keretanya masih berkumandang lagu berentak mambo, Chik Chik A-Boom dendangan Saloma. Dahlia mematikan enjin dan membuka pintu kereta. Seorang anak murid perempuan darjah dua, Nur Qistinah Bte Abdullah sudah menantikannya.

“Boleh saya tolong angkatkan barang barang Ibu Guru?” tanya Qistinah tersenyum.

“Silakan. Awak tolong ambil beg plastik besar itu dari tempat duduk belakang.

Terimakasih.”

Hari ini seperti hari hari lainnya, Dahlia memakai kebaya. Hari ini kebayanya berwarna kuning muda berkain batik merah jambu bercorak kerawang bunga angerik. Rambutnya diikat satu. Itu sudah menjadi *stylenya* sehinggakan para pegawai Kementerian Pelajaran yang datang menjadi pemerhati pengajaran kelas pun secara senyap senyap menggelarnya Cikgu Dahlia Kebaya. Begitulah *trademark* Dahlia kecuali hari Jumaat dan bulan Puasa dimana Dahlia akan memakai baju kurung.

Dahlia seorang lulusan Institut Perguruan Kebangsaan kini sudah 4 tahun bertugas sebagai guru bahasa Melayu disekolah rendah. Thamesville Primary adalah sekolah pertamanya dimana dia dihantar sebagai guru bahasa Melayu. Baru berumur 26 tahun, Dahlia dipanggil oleh murid murid nya sebaga Ibu Guru.

Entah pada mula mulanya agak jengkel mendengar murid muridnya memanggilnya sebegitu. Umurnya baru sahaja 26 tahun. Masih *single*. Tapi entah mengapa dia senang sekali dengan panggilan sebegitu oleh murid murid darjah satu sekolahnya.

Memang sejak kecil lagi Dahlia sudah bercita cita untuk menjadi seorang guru sekolah. Dia sering bermain main dengan anak anak patungnya. Mereka lah yang menjadi murid murid pertamanya. Walaupun tidak boleh menjawab soalan soalnya atau mengulang sebut semula apa yang diajarnya, Dahlia tidak jemu mengajar anak anak murid-patung didalam kelas kamar tempat ruang tamu rumah pangsa. Dan kini Dahlia benar benar menjadi seorang tenaga pengajar sekolah.

Tetapi menjadi cikgu sekolah hari ini mempunyai banyak cabaran. Dan cabaran ini bukanlah dari murid murid tetapi dari guru guru lain, ketua bahagian, guru besar dan cabaran utama - ibu bapa kepada murid murid.

Guru guru sekarang kian berhati hati apabila berdepan dengan Ibu bapa zaman sekarang. Mereka tidak memikir dua kali untuk menghantar e-mel kepada pihak pihak kementerian seandainya ada sesuatu perkara yang mereka merasakan kurang berpuas hati. Hasilnya- anak anak mereka menjadi malas dan manja. Kelas tahun baru ini agak berbeza dari yang lain. Mereka lebih manja.

Pada mulanya dia dipanggil Cikgu Dahlia. Tetapi setelah masuk bulan ke tiga penghujung penggal pertama tahun ini, dia mula dipanggil Ibu Guru oleh murid murid tahun pertama kelas Melayunya. Kakitangan sekolahnya juga merasa hairan mengapa anak anak murid memanggil guru guru lain Cikgu tetapi dengan Dahlia, dia panggil Ibu Guru atau 'Bu Guru. Pada mulanya mereka meneka murid murid Cikgu Dahlia ini terbawa bawa dengan kisah filem Indonesia, Laskar Pelangi. Tetapi setelah masuk bulan ke 3 pada tahun pelajaran bermula baru lah tersingkap satu persatu mengapa murid murid disekolahnya, khususnya kelas yang diajarnya sebagai Ibu Guru Dahlia.

3

Pencerahan ini berlaku semasa Dahlia mengajar muridnya tentang pembinaan ayat. Pada petang itu, murid murid diajar tentang beberapa perkataan baru.

“Murid murid semua, hari ini saya ingin mengajar awak tentang cara cara membina ayat. Pembinaan ayat ini mempunyai tiga faktor utama. Pertama-maksud yang hendak disampaikan. Kedua - kepada siapa ia ditujukan. Dan ke tiga ayat yang disusun mestilah mempunyai nahu yang betul. OK kelas mari kita mulakan. Siapa ingin mencuba?”

Seorang anak perempuan berkaca mata bingkai hitam dan rambut ditocang dua mengangkat tangan tanda isyarat dia ingin memulakan-

“Didalam rumah ada kerusi”, kata Manisah seorang anak perempuan berkulit kuning langsung. Cita citanya- nak jadi Siti Nurhaliza.

“Didalam kepala saya ada otak”, seru Faiz. Cita citanya – hendak jadi doktor.

“Abang saya tertinggal seluar dalamnya”, teriak Mikhail, anak kacukan Melayu dan Cina. Seluruh kelas ketawa terkekek kekek. Cita cita Mikhail- menjadi detektif. Dahlia menahan ketawanya.

Dahlia memang mempunyai beberapa teknik pengajarannya tersendiri. Dia memang menggalakkan kebebasan murid murid untuk mengekspresi diri mereka. Murid tidak dimarah seandainya mereka membuat kesilapan. Kadang kala dia sendiri terpaksa mengawal dirinya daripada ketawa disebabkan oleh kelucuan gelagat anak anak kecil yang hanya baru beberapa bulan yang lalu berada disekolah ditadika. Mereka masih seakan akan menganggap diri mereka berada didalam tadika lagi. Sehingga ada yang masih lagi belum tahun mengendalikan isu isu *toilet*nya.

Maka dari itu guru guru sekolah rendah terutama sekali di bahagian rendah awal dianggap sebagai separuh pengasuh tadika separuh guru sekolah. Dan ada dikalangan teman guru guru menganggap yang mengajar bahagian *lower primary* adalah jauh lebih mudah daripada mengajar kelas *upper primary*. Dahlia sering menjadi frutراسi kerana tanggapan sedemikian.

Dahlia jarang sekali mengherdik murid muridnya. Hanya mereka yang keluar dari garisan disiplin yang akan dimarahinya. Dan murid murid nya takut apabila Dahlia 'menyinga' kerana mereka akan mendengar suatu teriakan yang boleh didengar seluruh sekolah, termasuk Madame Selvi, jika dia tidak bercuti kerana kematian keluarga atau mengikuti upacara dihari Thaipusam.

Setelah kelasnya mulai reda dari kekekan ketawa anak anak tergeletik hati, Dahlia meneruskan pelajaran bina ayatnya.

“Fiqah, sila awak cuba. Cuba buat ayat dengan perkataan ‘dalam’. Yang lain sila diam dan beri perhatian.” Nada suara Dahlia berbunyi tegas apabila disalut dengan sebutan baku.

Seorang anak perempuan kurus, bajunya sedikit lusuh dan rambutnya tidak tersikat berdiri perlahan lahan.

“Mama saya didalam.”

Pada mulanya seluruh kelas senyap, mungkin menantikan lanjutan ayat seterusnya. Mungkin seperti “didalam...kereta atau ofis atau kedai”. Tetapi setelah diulangi sekali lagi ayat yang sama oleh Fiqah, murid murid lain mula ketawa.

“Dalam mana? Dalam almari kah?” teriak Ameerjet Singh, murid Punjabi yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda.

“Diam semua!” Ibu Guru Dahlia meninggi suara. Dia harus berbuat begitu kerana ingin mencegah kelas menjadi huru hara akibat ketawa.

‘Apa maksud awak Fiqah? Cuba awak terangkan’.

Fiqah masih berdiri. Bingung. Dia kelihatan seperti berfikir. Jarinya memegang pensel.

“Maksud saya Cikgu, Mama saya didalam... jel.”

Satu perkara yang kita tidak boleh elakkan dan marah adalah ketulusan seorang anak kecil yang belum pandai berbohong. Maka dengan seluruh keikhlasan Fiqah memberi penjelasan tulus tentang penggunaan perkataan ‘dalam’.

“Tiap hujung bulan saya dan nenek saya akan melawat mereka di Changi Prison”.

Ada diantara murid murid kelas itu yang masih tidak mengerti maksud “dalam” didalam konteks yang digunakan oleh Fiqah.

Tiba tiba Abu Bakar seorang murid lelaki bertubuh gempal berdiri, “Mak saya pun didalam.”

Disahut oleh seorang murid yang lain, “Daddy saya ada didalam”.

Kelas menjadi kacau. Ia terbahagi kepada dua puak- satu yang mengangkat tangan dengan mengkakaktua frasa “mak saya didalam” dan “bapa saya didalam” disahut dengan “Cikgu, saya tak faham lah apa yang mereka cakap. Dalam mana cikgu?”.

“Diam semua!” Dahlia meninggikan suaranya. “Semua cuba diam dan keluarkan kertas dan salin ayat ayat yang saya tuliskan dipapan tanda.” Nada Dahlia semakin serius. Sebutan bakunya tetap *steady*.

Setelah kejadian itu, Dahlia mengambil kesemua fail fail peribadi mereka dan meneliti satu persatu. Dia ingin mengenali kelasnya dengan lebih teliti dan tepat.

Didalam kelasnya ada terdapat seramai 27 murid. Dan setelah meneliti satu persatu latarbelakang mereka. Lima daripada mereka mempunyai emak didalam tahanan jel. Enam murid lelaki mempunyai bapa didalam pusat pemulihan dadah DRC. Yang empat belas yang lainnya pula mempunyai kombinasi serta mutasi keluarga yang boleh membuat drama sinetron sambung bersambung sehingga penghujung dekad-ada yang bapanya lari dengan pembantu Filipin jiran tingkat atas. Seorang lagi bapanya entah kemana tetapi anak ini bersama ibunya sedang tinggal serumah dengan daddy baru. Mama dan daddy baru belum bernikah. Tiga murid lain tidak mempunyai Bin pada nama mereka. Tiga lagi tidak mempunyai Binte. Seorang lagi dijaga oleh neneknya. Seorang dijaga datuk tirinya. Seorang murid tiga beradik kadangkala tidak makan kerana tidak mempunyai wang saku. Dan yang dijaga neneknya juga mempunyai masalah- ia ini yang bermasalah adalah neneknya. Dahlia pernah bertemu dengan nenek murid darjah empat kerana dia dituduh mencuri didalam kelas. Neneknya bermati matian menyangkal dakwaan pengetua sekolah dan tuan disiplin sekolah. Tetapi ada dua saksi murid lain dan seorang guru bahasa Mandarin yang melihat kejadian itu.

Dahlia berlaku sebagai guru kelas murid itu terpaksa turut hadir dan sekaligus menjadi penterjemah. Neneknya tidak boleh berbahasa Inggeris. Apa yang paling jelas dan masih terkesan didalam fikiran Dahlia ialah neneknya itu mempunyai bau rokok *kretek* yang kuat dan sangkeng degilnya nenek itu mempertahankan cucunya. Hitungan total- dua puluh lima diantara murid muridnya mempunya latarbelakang keluarga berantakan

Salah seorang dari antara ramai murid nya yang tidak mempunyai masalah adalah Siti Nurbaya Harahap anak asal berketurunan suku kaum Batak yang baru menetap di Singapura. Bapanya adalah seorang pengurus cawangan syarikat swasta Indonesia di Singapura. Malah anak ini hidupnya jauh lebih mewah dari anak anak kelahiran Singapura. Penampilannya selalu bersih dan rapi, tutur katanya sopan dan pintarnya bukan sembarangan. Keluarganya sering melancung ke luar negeri ketika cuti sekolah- Disneyland Paris, panggung teater West End di London, New York Times Square dan resort eksklusif di Indonesia- semuanya tempat tempat yang bukan lagi sekadar gambar dibrocer pelancungan untuk anak berambut kerinting ini. Namun ini adalah suatu paradoks kehidupan- seorang murid dari negara miskin hidupnya mewah sedangkan murid sederjanya, anak jati Singapura sebuah negara kaya, hidupnya bagai terabai.

Selain dari menjadi guru bahasa Melayu, Dahlia juga menjadi seorang guru *in-charge* bahagian tarian Melayu. Dari situ ramai murid murid nya mula tertarik untuk belajar tarian. Dan kelas tarian nya dijadikan satu keluarga kecil dimana anak anak murid nya boleh mendapat layanan seperti bersama keluarga. Terutama sekali murid murid perempuan.

Maka satu persatu anak murid cikgu Dahlia menganggapnya sebagai Ibu dan Guru. Anak anak yang tidak mempunyai tempat berteduh kasih sayang, dimana dakapan ibu terlalu asing dan jauh terpisah tembok batu sel sel kamar DRC; dimana suara ibu hanya terdengar melalui panggilan ke handphone makcik atau nenek, mereka terubat rindu mendengar suara Ibu Guru Dahlia. Meskipun suara itu sedang menengking mereka kerana tidak membuat kerja latihan dirumah. Suara tengking tinggi Ibu Guru lebih merdu dari sepi tak berbunyi ibu kandung yang sedang tidur didalam sel DRC.

Antara kisah kisah tragis yang berlaku kepada murid murid sekolah Thamesville Primary ini, ada satu yang paling menyayat hati Dahlia. Pada suatu petang selepas kelas latihan tarian, seorang anak muridnya, Suhana menghampirinya. Suhana baru masuk kesekolah Thamesville, tiga bulan lebih lewat dari murid murid yang lain.

Didalam perbualan mereka Suhana mula menceritakan kepada Ibu Guru Dahlia apa yang berlaku kepada dirinya dan abangnya. Mereka kini berada didalam penjagaan keluarga angkat. Sebelum ini mereka telah merempat kerana ayahnya seorang penagih dadah. Ibunya juga seorang penagih dan setelah ditangkap dihantar pulang ke Batam. Untuk beberapa bulan mereka tinggal dengan ayah mereka ditepi pantai East Coast setelah rumah mereka dirampas oleh pemerintah. Menurut undang undang Singapura, rumah yang didapati menjadi sarang penagih dadah akan dirampas. Selepas itu mereka tinggal dibawah kolong flat dikawasan perumahan sepi didalam kotak cardboard.

Mereka juga pernah tinggal didalam rumah yang tidak didiami penghuni. Dan hanya akan beredar apabila pemilik rumah itu datang mengusir mereka. Ini berlaku beberapa bulan sehinggalah bapa mereka tertangkap lagi dan mereka diserahkan dialam penjagaan keluarga angkat.

Mendengar cerita itu, Dahlia memeluk anak itu. Dan dengan tiba tiba anak perempuan kecil itu yang begitu 'cool' menceritakan kisah hidupnya tiba tiba menangis sekuat hatinya didalam dakapan Ibu Guru Dahlia. Seperti hujan tengkujuh yang turun lebat hingga banjir kawasan Bukit Timah yang kononya hanya berlaku sekali dalam 50 tahun, Suhana menjeritkan suatu tangisan penuh tragis, penuh makna, sarat dengan dendam rindu pada kasih sayang seorang ibu. Suhana meratapi hidupnya yang sudah pincang seawal tujuh tahun umurnya.

“Daddy saya kata dia tak nak ambil *drugs* tapi *brains* dia suruh dia ambil *drugs*. Dia kata nanti bila dia keluar dia tak akan ambil *drugs* lagi dan dia akan jaga saya dan abang saya.” Anak kecil suci ini menjadi mangsa ketagihan dadah ibu bapanya yang menjadi mangsa pencatutan kapitalis rakus geng dadah.

Maka riwayat masyarakat yang kian rapuh didalam kota maju mendadak berlipat ganda secara eksponensial ini menjadi suatu cerita epik berlarut larutan. Anak anak menjadi mangsa keadaan dan kebodohan serta keangkuhan orang orang dewasa yang paling dasyat pintarnya membuat anak tapi paling daif dan tolol mengasuhnya. Didalam efek domino ini, yang paling tidak berupaya dan yang paling lemah dan kecil mungil menjadi mangsa yang paling tragis. Mereka menjadi pemain wayang suatu cerita yang terlalu banyak sangat ulang tayangnya didalam pentas kehidupan masyarakat Melayu yang kian bobrok kerana kekurangan duit kerana kerjanya bergaji rendah kerana tidak tinggi pelajaran kerana sibuk berpacaran masih masa sekolah lalu berkahwin muda kerana *girlfriend* dah bunting tetapi bila nikah masih tidak hafal Al Fateha kerana tidak tahu sembahyang dan tidak mahu belajar sembahyang dan bila sudah tahu masih tidak sembahyang lalu tandus keberkahannya kerana itu adalah hukum karma pada umat yang lalai.

Tetapi yang menjadi penerima paling hujung nasib kelam adalah anak anak kecil yang kian terpontang panting keciciran kerana negara ini lari terus memecut maju. Siapa yang lambat, siapa yang banyak bagasi ekses dari masa lampau ditinggalkan kebribitan mencacar lari mengejar nasib menghitung untung mengutip sisa sisa hasil negara setelah ditolak gaji presiden, ditolak gaji menteri, ditolak gaji jeneral, ditolak gaji hakim negara, ditolak gaji penjawat sivil, ditolak gaji penyiram pohon pohon tepi jalan dan pencuci lantai. Dan sebelum itu diambil 40% dulu untuk bajet pertahanan negara. Lalu yang tinggal dan yang tertinggal adalah anak anak miskin yang paginya makan sarapan gantian kupon yang ditaja pemerintah kota paling paling canggih

paling maju di Asia Tenggara. Sesetengah orang menggelarkan ini nasib, setengah lagi menggelarkan ini takdir, setengah lagi berkata ini adalah contoh unggul meritokrasi dalam pertaruhan 'survival of the fittest' dan yang lain tak tahu nak difikirkan apa lagi lalu hanya menjadi penonton *voyer* mengintip kehidupan orang lain diFacebook.

Setelah puas menangis, Suhana mengesat airmatanya dengan jari jemarinya yang kukunya hitam. Didalam suara penghujung isak isakan, dia berkata-

"Cikgu, kita nak panggil cikgu Ibu lah. Boleh tak?"

Dahlia tersentak. Memang mereka diajar di institut perguruan untuk bersikap profesional. Mereka harus menjaga tatatusila serta mengawal garisan pemisah diantara guru dan murid.

Tetapi bolehkah seorang manusia membantah permintaan seorang anak perempuan kecil yang bukan meminta iPad atau *handphone* atau *ice cream* Swensen tetapi sekadar diberi izin agar bibir dan lidahnya boleh bergerak lalu mengeluarkan suara untuk menyebut 'ibu' meskipun hujungnya ditambah 'guru' ?

Dahlia tidak membantah apabila mereka mula memanggilnya Ibu Guru. Lalu dari saat itu tangan Ibu Guru Dahlia menjadi panjang dan besar seperti *soft toy* gergasi memeluk semua murid muridnya yang memerlukan dakapan seorang Ibu dan ilmu seorang guru bahasa Melayu. Dipeluknya mereka yang tiada ibu tiada bapa, tiada keluarga dan mereka yang perlu makan guna kupon. Didakapnya mereka yang masih ada harapan, yang masih ada masadepan, yang masih belum terlewat atau terlanjur. Lalu dimasukkan mereka kedalam kantong hatinya yang lebih luas dari bangunan sekolah rendah Thamesville Primary.

Maka gelaran Ibu Guru itu bergema berjangkit jangkit dari satu bibir ke satu bibir anak anak kecil yang masih comot dengan gula gula coklat. Dan lama kelamaan semua murid murid dibawah asuhannya memanggil Dahlia 'Ibu Guru' termasuk lah Amarjeet Singh yang bahasa ibundanya sebenarnya adalah bahasa Punjabi.

13

.....Sekian.....

2539 Words